

## **Pembentukan Stigma Akibat Rasisme**

Nurzaira Azreena Bt. Rahamat

Rasisme (*racism*) menurut Ting (1997), adalah satu doktrin atau kepercayaan bahawa sesuatu kelompok ras lebih *superior* berbanding kelompok ras yang lain berdasarkan faktor-faktor biologi. Kepercayaan ini seterusnya melahirkan konsep inferioriti dan superioriti ras; di mana orang kulit putih menganggap diri mereka lebih superior atau ‘lebih baik’ daripada kaum-kaum lain khususnya kaum kulit hitam. Jones (1999) pula menegaskan salah satu aspek major dalam rasisme ialah rasisme budaya, di mana kumpulan dominan yang akan menentukan apakah nilai-nilai kebudayaan yang dipandang tinggi dan lazimnya nilai-nilai ini berkait rapat dengan ciri-ciri mereka. Maka kaum daripada kumpulan minoriti akan merendahkan nilai-nilai yang ada dalam kebudayaan mereka.

Keadaan ini menjadi satu stigma kepada golongan inferior tersebut sepertimana yang dinyatakan oleh K.B. Clark (1963), “Apabila kanak-kanak kaum minoriti ini sedar tentang status inferior mereka di mana keadaan sering mengasingkan dan memisahkan mereka daripada kelompok masyarakat yang lain, mereka akan mengalami satu perasaan inferioriti yang mendalam dan merasakan diri begitu hina.” Sekali lagi K.B. Clark (1965) menyatakan, “Pada usia tujuh tahun, kanak-kanak kulit hitam telah dapat menerima hakikat bahawa mereka adalah daripada golongan kulit hitam tetapi stigma sebagai kaum yang inferior akan berkekalan.”